KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	04.07.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	TNB			

Stesen jana kuasa TNB di Kenyir mula tugas 3 bulan lebih awal



BAHARIN (duduk, tengah) diberi penerangan di Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional (NLDC) di Kompleks Ibu Pejabat TNB, Kuala Lumpur.

PETALING JAYA – Stesen Jana Kuasa Sultan Mahmud (SJSM) di Kenyir, milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu kembali memperkasa Grid Nasional apabila keempat-empat unit janakuasanya berjaya dimulatugaskan tiga bulan lebih awal daripada perancangan asal bagi menyalurkan bekalan elektrik.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, stesen yang terpaksa dihenti tugas pada 27 Februari lalu akibat kejadian tanah runtuh berikutan hujan lebat luar biasa, beroperasi sepenuhnya pada 26 Jun 2022.

"Harapan kita agar keempat-empat unit penjanaan SJSM dengan kapasiti keseluruhan 400 MW beroperasi dalam keadaan baik dan terus memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia dari segi tenaga hijau.

"SJSM apabila beroperasi kapasiti penuh mampu menyumbang secara purata 1,600 gigawatt-jam setahun, sekali gus menghindari pelepasan 537,600 tan karbon dioksida (CO2) jika menggunakan sumber bahan api fosil (gas), bersamaan pelepasan karbon daripada 116,869 kenderaan di jalan raya setahun," katanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, penjanaan tenaga sebanyak itu secara hidro dapat mengelak kos bahan api beranggaran RM463 juta setahun jika menggunakan arang batu sebagai bahan bakar, berikutan kenaikan luar biasa harganya kesan krisis bahan api dunia susulan pandemik dan krisis Russia-Ukraine.

"Kejayaan ini adalah hasil usaha bersepadu warga kerja pelbagai Bahagian TNB serta Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Kuala Berang, Jabatan Perhutanan, Jabatan Mineral dan Geosains dan Agensi Pengurusan Bencana Negara," katanya.